



# DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR




L I M P U R K O L E J I D I G I T A L



BUKU PENERANGAN

# BENDERA KUALA LUMPUR



Bendera ini berteraskan bendera kebangsaan yang berjulur putih dan merah, warna biru bersama bintang serta bulan sabit berwarna kuning. Unsur-unsur ini tidak dapat dipisahkan memandangkan Kuala Lumpur adalah Ibu Negara Malaysia dan juga Wilayah Persekutuan.

14 jalur merah dan putih (melintang) menandakan keanggotaan 13 buah negeri di Malaysia dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terletak dibawah pentadbiran Kerajaan Persekutuan. Bulan sabit dan bintang melambangkan agama Islam dan agama rasmi. Bintang berbucu 14 melambangkan 13 buah negeri di Malaysia dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang bertindak sebagai Pusat Kerajaan dan pentadbiran.

- Warna biru di bahagian tengah melambangkan perpaduan wargakota Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang berbilang kaum.
- Warna merah melambangkan keberanian, kegagahan sebuah bandaraya dalam menghadapi cabaran ke arah pembangunan bandaraya kosmopolitan yang dinamik dan berprogresif.
- Warna kuning melambangkan kedaulatan dan kemakmuran Kuala Lumpur.
- Warna putih melambangkan keluhuran, kebersihan dan keindahan bandaraya dalam taman bercahaya.

R11

# LAMBANG DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR


Diterima dan direkodkan  
pada 31 JAN 2002....



Tangan

Hakmilik

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur  
(Perpustakaan Kuala Lumpur-Ibu Pejabat)



Lambang Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang dilancarkan pada 31 Januari 1992 adalah khas untuk kegunaan pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sahaja.

Lambang ini menunjukkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sebagai sebuah penguasa tempatan yang bertanggungjawab terhadap pentadbiran dan pembangunan Bandaraya Kuala Lumpur, sebuah Wilayah Persekutuan yang menjadi Ibu Negara Malaysia.

Kepala Seekor Harimau

- melambangkan keberanian dan ketegasan dari segi undang-undang dan perlembagaan.

Keris Semenanjung

- melambangkan kekuatan serta warisan kebudayaan.

Dua Keris Bersilang

- melambangkan keugamaan, keamanan dan keeratan persaudaraan.

Perisai

- melambangkan perlindungan yang jitu kepada wargakota dalam berbagai aspek pembangunan termasuk sosial dan ekonomi.

Warna Merah Pada Perisai

- melambangkan keberanian masyarakat Kuala Lumpur untuk menempuh era-era yang penuh cabaran.

Warna Biru, Merah Dan Putih

- melambangkan bendera Kuala Lumpur dan bendera kebangsaan.

Lambang Kuala Lumpur

- melambangkan Kuala Lumpur sebagai Bandaraya Ibu Negara dan Wilayah Persekutuan.

Bunga Raya

- melambangkan bunga kebangsaan Malaysia.

Daur Serta Rucunya

- melambangkan pembangunan Kuala Lumpur seiring dengan pengindahan serta pengekalan keindahan alam.

Ril. A/PB. Bantuan Kuala Lumpur

- melambangkan kemeriah dan menjadi tumpuan perayaan-perayaan serta Kuala Lumpur sebagai Bandaraya Taman Bercahaya.